

**ANALISIS PENGAJIAN AL-QURAN BERSANAD RIWAYAT HAFS  
DI MAAHAD-MAAHAD TAHFIZ  
DI NEGERI PAHANG**

**JAMALUDDIN BIN ADAM**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA  
SASTERA (USULUDDIN)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2014**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jalur-jalur *sanad* dan perbezaan antara *sanad* serta tahap kefahaman tentang *sanad*, *uṣūl* riwayat Ḥafṣ dan penguasaan bacaan *uṣūl* riwayat Ḥafṣ di Maahad-Maahad Tahfiz di negeri Pahang. Kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif yang digunakan untuk mendapatkan data perkembangan jalur-jalur *sanad*. Data kualitatif yang diperolehi melalui temu bual dianalisis bagi menentukan jalur-jalur *sanad* dan perbezaan antara *sanad* yang diperolehi dari Mesir dan India. Sementara data kuantitatif yang diperolehi melalui soal selidik dan ujian digunakan untuk mengenalpasti kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap *sanad* bacaan al-Quran dan *uṣūl-uṣūl* riwayat Ḥafṣ. Temu bual melibatkan 9 orang guru yang mempunyai *sanad* bacaan al-Quran riwayat Ḥafṣ. Sementara sampel kajian bagi soal-selidik-dan-ujian-melibatkan seramai 70 orang pelajar yang berada di bawah seliaan guru-guru yang mempunyai *sanad* bacaan al-Quran. Data kuantitatif dianalisis secara statistik. Dapatan keseluruhan berhubung dengan jalur-jalur *sanad* mendapati bahawa terdapat dua jalur *sanad*, iaitu jalur *sanad* dari Mesir dan dari India. Jalur-jalur *sanad* tersebut berada pada tahap kelapan dan kesembilan dan seterusnya bertemu dengan *sanad* Syeikh Ahmad al-Salmunah. Dapatan keseluruhan daripada soal selidik tentang *sanad* dan *uṣūl* bacaan riwayat Ḥafṣ mendapati responden pada tahap 90% baik dari sudut pengetahuan dan pemahaman. Dari sudut penguasaan bacaan *uṣūl* riwayat hafs 91.9% responden berada pada tahap baik. Kajian ini diharapkan dapat menjadi perintis kepada kajian lanjutan dengan lebih mendalam bagi pengajian al-Quran bersanad dan seterusnya dapat memasyhurkan pengajian al-Quran bersanad dalam kalangan masyarakat.

## THE ANALYSIS STUDY OF THE NARRATED QURAN BASED ON HAFS NARRATION AT TAHFIZ INSTITUTIONS IN THE STATE OF PAHANG

### ABSTRACT

This research aims to identify the *sanad* bands and the differences between *sanad* as well as the level of understanding on *sanad* and the *uṣūl* of Ḥafṣ narration. Apart from that, the research also aims to identify the acquisition of recitation on the *uṣūl* of Ḥafṣ narration at Tahfiz institutions in Pahang. This study was carried out in both qualitative and quantitative forms to obtain relevant data on the development of *sanad* bands. The data were then analysed to define the *sanad* bands and to study the differences between *sanad* obtained from Egypt and India. Sample this study involving 9 the teachers who have *sanad* reading the Qur'an Ḥafṣ narration. The study on *sanad* bands indicated that there were two types of *sanad* bands; one from Egypt and the other one from India. The two *sanad* bands were at eighth and ninth level, which later were parallel to *sanad* by Syeikh Ahmad al-Salmunah. Quantitative study was implemented to identify the level of understanding and acquisition among the students towards *sanad* of Quranic recitation and the *uṣūl* of Ḥafṣ *qirā'āt*. As many as 70 students who are under seliaan teachers who have *sanad* reading the Qur'an al-selected as samples of surveys. The overall result on the questionnaire on *sanad* and the *uṣūl* of Ḥafṣ narration showed that the acquisition among the 90% respondents in terms of knowledge and understanding were fairly satisfactory. In terms of the acquisition of recitation on the *uṣūl* of Ḥafṣ narration, the score 91% obtained was good. This research hopefully will become the pioneer to future study on Quran with *sanad* and later will lead to the development of this Quranic study.

## KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
PANDUAN TRANSLITERASI	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan kajian	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	8

1.6.1	Reka bentuk kajian	9
1.6.2	Lokasi Kajian.	9
1.6.3	Populasi dan sampel kajian.	10
1.6.4	Instrumen kajian.	10
1.6.4.1	Pengumpulan Data	11
1.6.4.1.1	Metode perpustakaan	11
1.6.4.1.2	Metode dokumentasi	12
1.6.4.1.3	Metode temu bual	13
1.6.4.1.4	Metode soal selidik	14
1.6.4.1.5	Metode ujian penguasaan	15
1.6.5	Kajian Rintis	15
1.6.6	Responden kajian	17
1.6.7	Tatacara pengumpulan data	18
1.6.8	Analisis data	19
1.7	Kepentingan Kajian	20
1.8	Definisi Operasi Kajian	21
1.8.1	Pengajian al-Quran <i>bersanad</i>	21
1.8.2	Riwayat Hafş	22
1.8.3	<i>Bersanad</i>	22
1.8.4	Maahad-Maahad Tahfiz	23
1.9	Limitasi Kajian	23
1.10	Kajian Terdahulu	24
1.11	Kesimpulan	29

## **BAB 2 PERKEMBANGAN BACAAN AL-QURAN DI ZAMAN RASULULLAH S.A.W. SAHABAT R.A. DAN ZAMAN TABI'IN.**

2.1	Pendahuluan	30
2.2	Perkembangan bacaan al-Quran bersanad di Zaman Rasulullah S.A.W.	31
2.2.1	Peringkat penurunan	31
2.2.2	Selepas peristiwa Hijrah	32
2.3	Perkembangan bacaan al-Quran di Zaman Para Sahabat R.A..	34
2.4	Perkembangan al-Quran pada zaman Tabi'in	42
2.4.1	Imam Nāfi'	45
2.4.2	Imam Ibnū Kathīr	46
2.4.3	Imam Abū 'Amrū	48
2.4.4	Imam Ibnū 'Āmir	50
2.4.5	Imam 'Āṣim bin Abī Najūd al-Asadī	51
2.4.6	Imam Hamzah	54
2.4.7	Imam al-Kisā'ī	56
2.5	Kesimpulan	57

### BAB 3 SANAD BACAAN AL-QURAN RIWAYAT HAFŞ 'AN 'ĀSIM DI MAAHAD-MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

3.1	Pendahuluan	58
3.2	<i>Sanad</i>	59
3.2.1	Definisi <i>Sanad</i>	59
3.2.2	Bentuk <i>Sanad</i>	60
3.2.3	Konsep <i>Sanad</i>	61
3.2.4	Penganugerahan <i>Sanad</i>	63
3.3	Riwayat Hidup dan <i>Sanad</i> Imam 'Āşim Bin Abī al-Najūd al-Asadī	68
3.3.1	Riwayat Hidup dan <i>Sanad</i> Imam Ḥafş bin Sulaimān bin al-Mughīrah al-Asadī	71
3.4	<i>Tāriq</i>	74
3.4.1	<i>Tāriq</i> Shātībīy	74
3.4.2	Pengajian al-Shātībī	75
3.5	<i>Usul</i> Riwayat Ḥafş 'An 'Āşim	77
3.6	Sejarah Penubuhan Maahad-Maahad Tahfiz Di Negeri Pahang.	82
3.6.1	Maahad Tahfiz Al-Quran Wa al-Qiraat Tengku Ampuan Afzan, Pekan, Pahang.	83
3.6.2	Maahad Tahfiz Negeri Pahang	84
3.6.3	Maahad Tahfiz Darul Ulum al-Basariah, Bukit Pelindung, Beserah, Kuantan.	85

3.5.4. Maahad Tahfiz Wa Ta'lim Sungai Badak, Jerantut.	86
---	----

3.7 Kesimpulan	87
----------------	----

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	88
4.2 Dapatan Temu Bual	90
4.2.1 Temu bual dengan guru.	91
4.2.2 Jalur-jalur <i>sanad Qāri</i> dan <i>Muqri'</i> Maahad Tahfiz di Negeri Pahang	94
4.2.2.1 Jalur <i>sanad</i> daripada Ahmad Baha' bin Mokhtar	94
4.2.2.2 Jalur <i>sanad</i> daripada Syeikh Muhammad Saudi bin Ahmad	96
4.2.2.3 Jalur <i>sanad</i> daripada Syukri bin Che Mat	99
4.2.2.4 Jalur <i>sanad</i> daripada Mohammad Ibrahim bin Mohammad Kholis	101
4.2.2.5 Jalur <i>sanad</i> daripada Mohd Hasnul Minzar bin Ismail	103
4.2.2.6 Jalur <i>sanad</i> daripada Mohammad Lafzul bin Muda	105



4.2.2.7	Jalur sanad daripada Tuan Mohammad Akmal bin Tuan Ahmad	107
4.2.2.8	Jalur sanad daripada Sheikh Abdul Ghani bin Habibullah	110
4.2.2.9	Jalur sanad daripada Ustazah Siti Khadijah binti Luqman	112
4.2.3	Perbezaan antara jalur-jalur <i>sanad</i> yang dimiliki oleh guru.	116
4.2.4	Kaedah pengajaran al-Quran secara <i>bersanad</i> yang disampaikan oleh guru-guru al-Quran di Maahad Tahfiz di Negeri Pahang.	121
4.3	Dapatan Soal Selidik	124
4.3.1	Latar belakang responden	124
4.3.2	Kefahaman pelajar tentang <i>sanad</i> bacaan al-Quran.	126
4.3.3	Kefahaman pelajar terhadap <i>usul-usul</i> bacaan <i>riwayat Hafş 'an 'Āşim</i> .	131
4.3.4	Ujian penguasaan pelajar tentang bacaan <i>Usul</i> riwayat Hafş 'an 'Āşim	141
4.4	Kesimpulan	150

**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	151
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan	152
5.3	Rumusan Kajian	158
5.3.1	Sanad di Maahad Tahfiz	158
5.3.2	Kefahaman pelajar tentang <i>sanad</i>	160
5.2.3	Kefahaman pelajar terhadap <i>usul</i> riwayat Hafş	162
5.3.4	Rumusan ujian penguasaan bacaan <i>usul</i> riwayat Hafş.	163
5.4	Cadangan	165
5.4.1	Cadangan kajian lanjutan	167
5.5	Penutup	168
	RUJUKAN	170
	LAMPIRAN A	175
	LAMPIRAN B	177
	LAMPIRAN C	185
	LAMPIRAN D	195
	LAMPIRAN E	203

## SENARAI JADUAL

Jadual	16
1.1 Nilai Kekuatan <i>Croanbach Alpha</i>	16
1.2 Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	17
1.3 Taburan Responden Berdasarkan Jantina	19
1.4 Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pembolehubah	95
4.5 Jalur <i>sanad</i> daripada Ahmad Baha' bin Mokhtar <i>Riwāyat</i> Hafş mengikut <i>Ṭāriq</i> al-Shātibi.	97
4.6 Jalur <i>sanad</i> daripada Syeikh Muhammad Saudi bin Ahmad <i>Riwayat</i> Hafş mengikut <i>Ṭāriq</i> al-Shātibi dan <i>Ṭāriq</i> al-Jazari.	99
4.7 Jalur <i>sanad</i> daripada Syukri bin Che Mat <i>Riwāyat</i> Hafş mengikut <i>Ṭāriq</i> al-Shātibi.	104
4.8 Jalur <i>sanad</i> daripada Mohammad Ibrahim bin Mohammad Kholis <i>Riwāyat</i> Hafş mengikut <i>Ṭāriq</i> al-Shātibi.	104
4.9 Jalur <i>sanad</i> daripada Mohd Hasnul Minzar bin Ismail <i>Riwayat</i> Hafş mengikut <i>Ṭāriq</i> al-Shatibi.	106
4.10 Jalur <i>Sanad</i> Mohammad Lafzul bin Muda melalui <i>tariq sanad</i> Syekh Hassan bin Rejab.	

4.11	Jalur sanad daripada Tuan Mohammad Akmal bin Tuan Ahmad Riwayat Ḥafṣ mengikut Tariq al-Shatibi.	108
4.12	Jalur sanad daripada Syekh Abdul Ghani bin Habibullah Riwayat Hafṣ mengikut Tariq al-Shatibi.	111
4.13	Jalur sanad daripada Ustazah Siti Khadijah binti Luqman riwayat Ḥafṣ mengikut Tariq al-Shatibi	113
4.14	Taburan responden berdasarkan jantina	125
4.15	Taburan responden berdasarkan umur	125
4.16	Skala min tertinggi kepada yang terendah	126
4.17	Taburan peratusan dan min skor maksud <i>sanad</i>	126
4.18	Taburan peratusan dan min skor sejarah <i>sanad</i> bacaan al-Quran	127
4.19	Taburan peratusan dan min skor terhadap hubungan <i>sanad</i> dengan <i>Qirā'at</i>	128
4.20	Taburan peratusan dan min skor terhadap kaedah pengajian al-Quran.	128
4.21	Taburan peratus dan min skor terhadap kaedah penyampaian <i>sanad</i> yang diberikan oleh guru.	129
4.22	Taburan peratusan dan min skor terhadap Jenis-jenis <i>sanad</i>	130
4.23	Taburan peratus dan min skor minat terhadap <i>sanad qirā'at</i> dalam bentuk sijil.	130

4.24	Taburan skor peratusan dan min terhadap tahap kefahaman pelajar tentang <i>usul-usul</i> bacaan riwayat Ḥafṣ.	132
4.25	Taburan Skor Peratusan dan Terhadap Tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>Imālah</i> .	132
4.26	Taburan Skor Peratusan dan Terhadap Tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>Ismam</i> atau <i>Raum</i>	133
4.27	Taburan Skor Peratusan dan mim Terhadap Tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>saktah</i> .	134
4.28	Taburan skor peratusan dan mim terhadap tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>Isti'āzah dan Basmalah</i>	135
4.29	Taburan skor peratusan dan mim terhadap tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>Hamzah mufrad</i>	135
4.30	Taburan skor peratusan dan mim terhadap tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>Silah Mim Jama' Silah Mim Jama'</i> .	136
4.31	Taburan Skor Peratusan dan mim Terhadap Tahap kefahaman pelajar tentang bacaan dua <i>Hamzah</i> dalam satu kalimah.	137
4.32	Taburan skor peratusan dan mim terhadap tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>mad mutasil dan mumfsil</i> .	138

4.33	Taburan skor peratusan dan mim terhadap tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>Ha' Kināyah</i> .	138
4.34	Taburan Skor Peratusan dan mim Terhadap Tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>Tashīl</i> .	139
4.35	Taburan skor peratusan dan mim terhadap tahap kefahaman pelajar tentang bacaan <i>Idgham</i> .	140
4.36	Skala peratusan tertinggi kepada yang terendah	141
4.37	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>Imālah</i>	142
4.38	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>Ishmām</i> atau <i>Raum</i>	142
4.39	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>saktah</i>	143
4.40	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>Isti'āzah</i> dan <i>Basmalah</i>	144
4.41	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>Hamzah Mufrad</i>	144
4.42	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>Silah Mīm Jama'</i>	145
4.43	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan dua <i>Hamzah</i> dalam satu <i>kalimah</i> .	146
4.44	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>Mad Munfasil</i> dan <i>Muttasil</i>	146
4.45	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>Hā' Kināyah</i>	147
4.46	Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan <i>Tashīl</i>	148

4.47 Taburan peratusan ujian penguasaan bacaan *Idghām* 148

4.48 Taburan keseluruhanperatus ujian penguasaan bacaan 149

*usul-usulriwayat Ḥafṣ*



## SENARAI RAJAH

## Rajah

3.1	<i>Sanad</i> Imam 'Āṣim al-Kufī daripada riwayat Ḥafṣ melalui 'Abd Allāh Bin Ḥabīb Abū 'Abd Al-Rahmān Al-Sulamī	69
3.2	<i>Sanad</i> Imam 'Āṣim Al-Kufī daripada riwayat Su'bah melalui Zar Bin Ḥabs bin al-Asadī	70
3.3	<i>Sanad</i> Imam 'Āṣim Al-Kufī daripada riwayat Ḥafṣ melalui Sa'ad Bin 'Uyas Al-Shaibānī	71
3.4	<i>Sanad</i> Imam Ḥafṣ daripada 'Āṣim Al-Kufī	73
4.5	<i>Sanad</i> Aliran India daripada 'Abdal-Ḥalīm bin Ghulam	117
4.6	<i>Sanad</i> Aliran Mesir daripada Syeikh Ridhā bin 'Alī bin Barwasī bin 'Alī	117
4.7	<i>Sanad</i> Aliran Mesir daripada Syeikh 'Alī bin Abd al-Majīd bin 'Abd al-Samī'	118
4.8	<i>Sanad</i> Aliran Mesir daripada Syeikh Abd Allāh bin al-Jauharī bin al-Sayeid bin al-Jauharī'	120



## SENARAI KEPENDEKAN

A.S.	<i>'Alayh al-Salam</i>
Abd	Abdul
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
Dr.	Doktor
F	Faham
hlm	Halaman
ibid	Rujukan berturut
Jld	Jilid
JAIP	Jabatan Agama Islam Pahang
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KF	Kurang Faham
M.A.I.P	Majlis Agama Islam Pahang
MTNP	Maahad Tahfiz Negeri Pahang
op. cit.	Rujukan berselang
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
R.A.	<i>Radiya'Llah 'anh</i>
S.A.W.	<i>Ṣalla 'Llāh 'alayh wa sallam</i>
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SDN BHD	Sendirian Berhad
SF	Sangat Faham
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
tah	<i>Tahqiq</i>
TF	Tidak Faham
UPSR	Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah

### PANDUAN TRANSLITERASI

a = ا	z = ز	q = ق
b = ب	s = س	k = ك
t = ت	sh = ش	l = ل
th = ث	ṣ = ص	m = م
j = ج	d = ض	n = ن
ḥ = ح	ṭ = ط	h = ه
kh = خ	ẓ = ظ	w = و
d = د	‘ = ع	y = ي
dh = ذ	gh = غ	’ = ء
r = ر	f = ف	

**Pendek :** a = ا (fathah) ; i = ا (kasrah) ; u = ا (dammah)

**Panjang:** ā = آ ; ī = ي ; ā = ا ; ū = و

**Diptong:** ay = ا ; aw = وا

Beberapa istilah Arab yang dimelayukan digunakan dan dikekalkan dalam bahasa Melayu dari sudut ejaannya seperti akidah, sahsiah, ulama, Rasulullah S.A.W. dan sebagainya. Begitu juga dengan istilah bahasa Inggeris yang telah dimelayukan.

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran	Tajuk
A	Temu Bual Dengan Guru Al-Quran Yang Mempunyai <i>Sanad</i> Bacaan Al-Quran
B	Soal Selidik Kefahaman Pelajar Terhadap <i>Sanad</i> Bacaan Al-Quran Dan <i>Uşul-Uşul</i> Bacaan Riwayat Ḥafş.
C	Soalan Ujian Penguasaan Bacaan <i>Uşul-Uşul</i> Riwayat Ḥafş.
D	<i>Sanad-Sanad</i> Dalam Bentuk Sijil



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bacaan al-Quran Riwayat Ḥafṣ melalui aliran *Shāṭibiyyah* dan *Jazarīyyah* merupakan satu aliran daripada aliran-aliran bacaan yang *mutawātir*. Bacaan ini telah dikumpulkan oleh Imam *al-Shāṭibi* dan *al-Jazari* dan dikembangkan oleh anak-anak murid mereka dari satu generasi ke satu generasi. Perkembangan bacaan tersebut telah membentuk satu sistem pengajian al-Quran yang berteraskan *sanad* yang menjadi pelindung keaslian bacaan al-Quran. Sistem yang dibentuk dengan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* terus diamalkan menjadi teras dan memberi sumbangan yang berterusan dalam pengajian al-Quran bersanad.<sup>1</sup> Oleh itu kajian ini cuba menganalisis perkembangan aliran bacaan serta jalur-jalur *sanad* yang berkait dengan riwayat Imam Ḥafṣ. Kajian ini juga membuat analisis kaedah pengajaran guru, kefahaman dan

<sup>1</sup>Muhammad Mustafa Bilal (2007), *Sharah Matn al-Shāṭibi Fi al-Qirāat al-Saba'*, Kaheerah, Dar al-Faḍīlah, hlm 14.

penguasaan pelajar-pelajar yang mengikuti aliran-aliran riwayat Imam Ḥafṣ dari aspek *sanad* dan *uṣūl* bacaan. Pembacaan al-Quran mengikut aliran yang betul amat penting bagi memelihara keaslian bacaan al-Quran untuk terus berada di landasan yang tepat serta berkesinambungan sampai kepada Rasulullah S.A.W.

## 1.2 Latar belakang kajian

Kaedah pengajian al-Quran telah digariskan oleh Allah dengan konsep awal pengajaran secara langsung daripada Jibril A.S. kepada Rasulullah S.A.W. dalam penyampaian wahyu. Pengajian ini diperkukuhkan lagi dengan konsep *talaqqī* dan *mushāfahah* yang dilakukan oleh Jibril A.S. bersama Rasulullah S.A.W. pada setiap tahun dalam usaha memastikan bacaan atau *qirā'āt* adalah tepat mengikut peraturan *Kalam* Allah. Proses pengajian al-Quran *bersanad* bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W. mengajarkan al-Quran kepada para sahabat dan para sahabat menyampaikannya kepada generasi *Tabi'īn* dan *Tabi'īn* menyampaikannya dalam bentuk yang sama kepada *Tabi' al-Tabi'īn* seterusnya hinggalah ke generasi hari ini.<sup>2</sup> Proses itu berterusan dari satu generasi ke satu generasi yang seterusnya dan membentuk sistem *isnad* yang tersusun sebagai satu disiplin pengajian al-Quran yang dikenali sebagai ijazah *sanad*.

Proses pengajian al-Quran secara *bersanad* telah melalui proses yang panjang sehingga ia mula dipinggirkan dalam arus pengajian al-Quran. Sedikit demi sedikit kepentingan ijazah *sanad* mula dilupakan sehingga membentuk pengajian al-Quran

---

<sup>2</sup>Muhammad al-Saiyid 'Alī Mansūr (2005). *Aḥkām Riwāyah Ḥafṣ*, Tanta: Dār al-Sahabah al-Turāth, hlm. 5.

yang didominasi oleh pembelajaran sendiri atau pengajaran tanpa tauliah. Bentuk pengajian ini tidak dapat dipastikan jalur salasilah sanad, sama ada benar-benar sampai kepada Rasulullah S.A.W. dan membaca al-Quran sebagaimana bacaan Rasulullah S.A.W.. Apa yang berlaku banyak kesalahan yang terjadi dalam pembacaan terutama melibatkan bacaan yang *gharīb* atau sebutan yang terasing.<sup>3</sup> Keadaan ini dapat dibukti melalui ijazah *sanad* yang begitu jarang dimiliki oleh guru al-Quran.

Pengajian al-Quran *bersanad* di Malaysia mula diketengahkan kembali pada awal tahun 1970-an di Masjid Negara dengan penubuhan Mahaad Tahfiz di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.<sup>4</sup> Menurut Ustaz Ahmad Badawi bin Abdullah, pada Tahun 1980-an dan 1990-an pengajian cara *bersanad* ini kurang terkenal kerana tidak ramai guru-guru yang mempunyai *sanad* dalam pengajian ini. Setelah melalui proses yang panjang pengajian al-Quran *bersanad* mula mendapat perhatian masyarakat sedikit demi sedikit sehinggalah ke hari ini. Namun begitu pengajian ini masih kurang popular di Malaysia khususnya di negeri Pahang.<sup>5</sup>

Pada masa ini sistem pengajian al-Quran *bersanad* mula mendapat perhatian dari tokoh-tokoh pengajian al-Quran di Malaysia. Kini sudah mula muncul pusat pengajian al-Quran *bersanad* yang menganjurkan pengajaran dan memberi tauliah kepada pelajarnya. Bagi memastikan sistem pengajian *bersanad* kekal mengikut

<sup>3</sup> Abu Mardhiyah (2007), *Tajwid al-Quran Qirā'at 'Āsim Riwayat Hafṣ Ṭariq al-Shāṭibi*, Kuala Lumpur, Perniagaan Normahs, hlm 660.

<sup>4</sup> Temu bualdengan Ustaz Ahmad Badawi bin Abdullah, 2010, pengajian al-Quran *bersanad* pada 30 Disember.

<sup>5</sup> Ustaz Ahmad Badawi bin Abdullah adalah bekas pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang merupakan antara pelajar Maahad Tahfiz yang awal pada tahun 1970-an di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Beliau telah menerima Ijazah pengajian al-Quran *bersanad* dari Syeikh Hassan bin Ismail.

sistem ijazah yang sebenar dan mampu memenuhi keperluan masyarakat maka kajian ini perlu dilakukan untuk menghasilkan dapatan sebagaimana yang digariskan dalam objektif kajian.

### 1.3 Permasalahan kajian

Perkembangan pengajian al-Quran bersanad masih baru di Malaysia khususnya di negeri Pahang. Ramai dalam kalangan masyarakat di Malaysia umumnya dan di negeri Pahang khususnya belum mengenali pengajian al-Quran *bersanad*. Masyarakat kurang memahami cara penyampaian *sanad* bacaan al-Quran iaitu daripada guru kepada murid. Begitu juga untuk mengenali jalur-jalur *sanad* yang menjelaskan hubungan atau pertalian bacaan itu bersambung hingga kepada Rasulullah S.A.W..

Perbincangan mengenai kesahihan atau sejauh mana *mutāwatirnya* sesuatu yang disampaikan oleh seseorang kepada seseorang yang lain dikenali sebagai *sanad*. Perbincangan *sanad* merupakan pokok asas perbincangan ulama silam dalam memelihara kesucian al-Quran daripada sebarang kesilapan dan kekeliruan. Tidak ramai dalam kalangan masyarakat khususnya di negeri Pahang mengenali jalur-jalur *sanad* dalam pengajian al-Quran. Begitu juga kekurangan guru yang mempunyai *sanad* bacaan al-Quran menyebabkan pengajian ini kurang popular dalam kalangan masyarakat. Masalah ini diperakui oleh seorang pensyarah di Institut Pendidikan Guru yang berjaya mendapatkan *sanad* bacaan al-Quran.<sup>6</sup> Kajian ini akan membincangkan tentang jalur-jalur *sanad* yang dimiliki oleh guru-guru al-Quran agar masyarakat

<sup>6</sup>Temu bual dengan Dr Khairuddin bin Said Pensyarah Jabatan pengajian Islam IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis Pahang, pada 2.5.2011.

mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang kaedah belajar al-Quran secara *bersanad*. Semoga tradisi ini dapat dihidupkan semula dan kegemilangan ilmuan Islam dapat bersinar kembali.

Mengenali jalur-jalur *sanad* bacaan al-Quran merupakan suatu usaha yang sukar kerana pengajian al-Quran *bersanad* belum berkembang secara mantap di Malaysia. Oleh itu satu kajian perlu dilakukan untuk mengemukakan jalur-jalur *sanad* bacaan al-Quran demi kepentingan pengajian al-Quran. Apabila masyarakat sudah mengenalinya mereka akan berusaha untuk memperolehi *sanad* bacaan al-Quran tersebut. Oleh itu kajian ini akan memfokuskan kepada pengajian al-Quran secara *bersanad* khususnya di maahad-maahad tahfiz al-Quran negeri Pahang bagi mengetahui jalur-jalur *sanad* tersebut. Di samping itu juga kajian ini akan menghuraikan cara penerimaan *sanad* dan kaedah yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Sebutan *makhraj* dan *şifat* huruf, hukum *Nun Sakinah* dan *Tanwin* antara hukum tajwid yang banyak mempengaruhi mutu pembacaan. Pengkaji telah meneliti masalah berkaitan dan dapat mengesan kelemahan dalam pembelajaran al-Quran yang dijalankan di masjid-masjid daerah Lipis. Kebanyakan mereka yang belajar al-Quran mengalami kesukaran dan tidak dapat menyebut huruf-huruf dengan sebutan *makhraj* dan *şifat* huruf dengan tepat mengikut *lahjah* Arab. Begitu juga dalam menyebut hukum *Nun Sakinah* dan *Tanwin*. Justeru bacaan mereka sumbang tanpa bunyi hukum tajwid yang betul.